

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Bon and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM285,878,390.39
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.98925

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB T1 Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.70%	-5.61%	-2.18%	-7.08%	-0.23%	6.45%	98.80%
Benchmark / Penanda Aras	-0.83%	-7.28%	-3.52%	-10.26%	-6.21%	-6.42%	57.21%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.13%	1.67%	1.34%	3.18%	5.98%	12.87%	41.59%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	81.98
2 Takafulink Dana Bond	18.02

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.56
2 Petronas Chemicals Group Berhad	6.76
3 Dialog Group Berhad	6.23
4 Hartalega Holdings Berhad	4.05
5 IOI Corporation Berhad	3.73
6 Axiata Group Berhad	3.41
7 Petronas Gas Berhad	3.33
8 Press Metal Aluminium Holdings Berhad	3.19
9 QL Resources Berhad	2.95
10 Digi.Com Berhad	2.65

### Takafulink Dana Bon Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Prasarana Malaysia Berhad*	7.00
2 Prasarana Malaysia Berhad*	6.03
3 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	4.38
4 Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	4.34
5 YTL Power International Berhad	4.33
6 Tenaga Nasional Berhad	4.31
7 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	4.29
8 MEX II Sdn Bhd	3.62
9 Manjung Island Energy Berhad	3.51
10 Sarawak Energy Berhad	3.43

\* Different coupon rates & maturity dates for each.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equities

#### Market Review

December month for Malaysian equities closed slightly higher, partly aided by some window dressing activities at the close of the year. Crude oil prices continued to be weak in December, falling 9% (to USD53.80/bbl for Brent) and 10.8% (to USD45.4/bbl for WTI) respectively. Hence it was not surprising for OPEC and its allies to agree to further cuts in production; at least until April 2019. External events during the month added to the volatility, such as the arrest of Huawei's CFO in Canada, just after the US and China announced a temporary trade war truce on 30 Nov 2018. By the end of the month, Malaysia received a bit of good news, with Moody's Rating agency affirming Malaysia's local and foreign currency issuer and senior unsecured debt ratings at A3 with stable outlook. The FBM Shariah Emas Index closed the month at 11,633 points, down 1.11% mom, whilst the FBM Shariah Small Cap Index declined 7.44% mom.

#### Market Outlook

External headwinds seem to be getting stronger, with a lot of uncertainties likely to prevail and fuel more volatility. The weak China PMI numbers and the growing expectation of the US economy faltering are legitimate concerns we need to be mindful of. Malaysia's economy should be relatively resilient, but not immune. Weak global growth numbers will likely lead to weak demand for commodities such as crude oil and palm oil, commodities that Malaysia relies upon quite heavily. In addition, our largest trading partner's slowing growth is already having an impact on the demand of US branded handsets, which will have an impact on future new orders for Malaysian E&E exporters.

With near term catalysts lacking for Malaysia, we expect this sort of volatility to continue; be it from domestic politics or policies, made more challenging by external noises from the on-going US-China trade war/truce, US monetary policy, and volatilities in oil prices. Many of these things are out of our control, and we have to remain focused on companies that have strong fundamentals and a good track record of thriving even in challenging environments.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia di tutup lebih tinggi sedikit pada bulan Disember, sebahagiannya di pacu oleh beberapa aktiviti menjemput pelaburan pada akhir tahun. Harga minyak mentah terus lemah pada bulan Disember, masing-masing jatuh 9% (kepada ASD53.80 setong untuk Brent) dan 10.8% (kepada ASD45.4 setong untuk WTI). Oleh itu, tidak menghairankan apabila OPEC dan sekutunya bersetuju untuk mengurangkan lagi pengeluaran; sekurang-kurangnya sehingga April 2019. Peristiwa luaran pada bulan itu meningkatkan lagi ketakstabilan, seperti penangkapan CFO Huawei di Kanada, tidak lama selepas Amerika Syarikat dan China mengumumkan gencatan perang perdagangan sementara pada 30 November 2018. Menjelang akhir bulan, Malaysia menerima sedikit berita baik, apabila agensi Penarafan Moody mengesahkan penerbitan mata wang tempatan Malaysia dan asing serta penarafan hutang tidak bercagaran yang lama pada tahap A3 dengan prospek yang stabil. Indeks FBM Emas Syariah di tutup pada 11,633 mata, turun 1.11% bulan ke bulan, manakala Indeks FBM Bermodal Kecil Syariah merosot 7.44% bulan ke bulan.

#### Gambaran Bulanan

Asakan luaran seolah-olah semakin kuat, dengan kebanyakan ketakpastian semakin terserlah dan berkemungkinan memarakkan lagi api ketakstabilan. Angka PMI China yang lemah dan jangkaan pertumbuhan ekonomi AS yang goyah adalah paparan kebimbangan yang perlu kita ambil kira. Ekonomi Malaysia sepatutnya agak berdaya tahan, tetapi masih tidak kebal. Angka pertumbuhan global yang lemah berkemungkinan mendorong permintaan yang rendah terhadap komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit; Malaysia berpaut agak kuat kepada kedua-duanya. Di samping itu, pertumbuhan perlahan rakan dagangan terbesar kami telah memberi impak kepada permintaan telefon bimbit berjenama Amerika Syarikat, lalu akan memberi kesan kepada pesanan baharu di masa hadapan bagi pengeksporth E&E Malaysia.

Malaysia kekurangan pemangkin jangka pendek, lalu kami menjangkakan bahawa ketaktentuan seperti ini akan berterusan; baik dari segi politik atau dasar domestik, keadaan semakin mencabar berikutan desas-desus luaran lantaran perang perdagangan / gencatan senjata AS-China yang berterusan, dasar monetari AS, dan ketakstabilan harga minyak. Kebanyakan perkara ini adalah di luar kawalan, dan kita harus terus memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan rekod prestasi pertumbuhan yang baik untuk berkembang maju walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

### Fixed Income

#### Market Review

Malaysia sovereign bonds yields for 3-years, 5-years, 10-years and 15-years MGS decreased by 6-10bps in December to close lower at 3.62%, 3.76%, 4.07% and 4.44% respectively. In December, sovereign bonds yields moved lower due to strong buying interest from investors on the back of declining US treasury yields after the Fed conveyed a slightly softer tone. Separately, MGII yields 3-years and 5-years moved lower by 10bps respectively to close at 3.68% and 3.83% while yields for the 10-years and 15-years moved higher by 1bps and 2bps respectively to close at 4.24% and 4.61%. Meanwhile, trading in corporate bonds increased in the month of December with most trades concentrated in selected quasi-government and AAs rated bonds.

#### Market Outlook

In 2019, Government bond issuance is expected to be around RM115billion with 32 public auctions, equally split between MGS and MGII with 16 auctions each. The larger supply of sovereign bonds may create a surplus pressure in the market, but we expect domestic sovereign bond market to remain supported by ample liquidity and strong investor demand. In January, there will be three MYR government bond auctions, a new issuance of 10.5-year MGII, a new issuance of a 7.5-year MGS and a re-opening of 5-year MGII with no MGS/MGII maturity. On the corporate bond front, the market is expected to see a decent supply as issuers have stayed sidelined in the past several months. We expect demand for corporate bonds to be strong in 2019 due to scarcity of quality corporate bond supply.

#### Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.70% for the month, outperforming the benchmark return of -0.83% by 0.13%. Year-to-date, the fund returned -7.08%, outperforming the benchmark return of -10.26% by 3.18%.

As of end-Dec 2018, the Fund has 82% exposure in equities and 182% in sukuk (versus Neutral position of 80:20 equity:sukuk).

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Pendapatan Tetap

### Tinjauan Bulanan

Kadar bon kerajaan Malaysia dalam tempoh tiga tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun MGS masing-masing turun sebanyak 6 hingga 10 mata asas (bps) pada bulan Disember untuk di tutup lebih rendah pada 3.62%, 3.76%, 4.07% dan 4.44%. Pada bulan tersebut hasil bon kerajaan bergerak ke tahap lebih rendah berikutan minat belian pelabur yang kukuh ekoran penurunan hasil perbendaharaan AS selepas Fed mengeluarkan kenyataan dalam nada yang agak lembut. Secara berasingan, hasil MGII 3 tahun dan 5 tahun masing-masing juga bergerak ke tahap lebih rendah sebanyak 10bps lalu di tutup pada 3.68% dan 3.83% sementara hasil bagi 10 tahun dan 15 tahun masing-masing meningkat sebanyak 1bps dan 2bps untuk di tutup pada 4.24% dan 4.61%. Sementara itu, dagangan bon korporat meningkat pada bulan Disember dengan kebanyakan dagangan tertumpu dalam bon kuasi kerajaan dan bon bertaraf AA.

### Gambaran Bulanan

Pada tahun 2019, terbitan bon kerajaan dijangkakan sekitar RM115 bilion dengan 32 lelongan awam, terpecah dua antara MGS dan MGII dengan masing-masing mempunyai 16 lelongan. Penawaran bon kerajaan yang lebih besar boleh mewujudkan tekanan surplus di pasaran, tetapi kami menjangkakan bahawa pasaran bon kerajaan domestik tetap di sokong oleh mudah tunai yang mencukupi dan permintaan pelabur yang kukuh. Pada bulan Januari, terdapat tiga lelongan bon kerajaan MYR, terbitan baharu MGII 10.5 tahun, terbitan baharu MGS 7.5 tahun dan pembukaan semula MGII 5 tahun dengan ketiadaan tempoh MGS / MGII. Meninjau bon korporat, pasaran dijangkakan akan menerima penawaran yang memadai kerana penerbit telah diketepikan sejak beberapa bulan yang lalu. Kami menjangkakan bahawa permintaan ke atas bon korporat akan mengukuh pada tahun 2019 disebabkan oleh kekurangan penawaran bon korporat yang berkualiti.

### Tinjauan & Strategi dana

Dana mengembalikan pulangan -0.70% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.83% sebanyak 0.13%. Setakat tahun ini, Dana memulangkan -7.08%, mengatasi pulangan penanda aras -10.26% sebanyak 3.18%.

Setakat akhir Disember 2018, Dana mempunyai 82% pendedahan dalam ekuiti dan 12% dalam sukuk (berbanding kedudukan Neutral 80:20 ekuiti: sukuk).

Source / Sumber: Fund Commentary, December 2018, Eastspring Investments Berhad

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.